

Kuasa eksekutif boleh diguna — Rais

UM 16 JAN 2003

KUALA LUMPUR 15 Jan. — Kuasa eksekutif boleh digunakan terhadap mana-mana negeri yang enggan mewartakan Undang-Undang Keluarga Islam, kata Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Katanya, memandangkan Majlis Raja-Raja telah menerima undang-undang berkenaan, adalah sukar untuk mana-mana negeri mengeneplikannya.

Beliau memberitahu, jika terdapat negeri-negeri yang enggan berbuat demikian, kuasa eksekutif akan diberikan kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri untuk melaksanakannya.

“Bagaimanapun, kita menjangkakan tidak ada masalah untuk semua negeri mewartakan Undang-Undang Keluarga Islam walaupun di Kelantan dan Terengganu.

“Ini kerana undang-undang tersebut telah diperkenankan oleh Majlis

Raja-Raja dan tambahan pula ia dilakukan untuk kebaikan semua,”katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi, hari ini.

Rais mengulas kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini yang meminta kerajaan negeri mewartakan undang-undang tersebut secepat mungkin bagi menyelesaikan dakwaan berlakunya ketidakseragaman perundangan Islam termasuk soal poligami.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya masalah penyeragaman tidak timbul, malah ia telah selesai memandangkan undang-undang berkenaan sudah pun diterima oleh Majlis Raja-Raja.

Dr. Mahathir berkata, apa yang perlu dilakukan sekarang ialah mewartakan undang-undang itu dan ia akan menjadi undang-undang yang sama bagi semua negeri di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

Ditanya bentuk tindakan yang bo-

leh dikenakan sekiranya terdapat negeri yang masih enggan mematuhi perkara itu, Rais enggan mengulas mengenainya.

“Kita tidak mahu membuat sebarang andaian bahawa perkara itu tidak dipatuhi,” katanya.

Rais memberitahu, undang-undang Islam yang akan diwartakan tersebut bukan sahaja membabitkan masalah poligami tetapi mencakupi prosedur undang-undang keluarga Islam, jenayah, wakaf dan pentadbiran am.

Beliau berpendapat, memandangkan masalah ketidakseragaman undang-undang Islam di negeri-negeri sering mencetuskan masalah, mewartakan undang-undang tersebut diharap dapat menjadi formula untuk menyelesaikannya.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat memberikan tempoh atau bentuk-bentuk tindakan yang akan dibuat oleh Kerajaan Pusat untuk merealisasikan perkara tersebut.